



PM rasmi Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang 3 Ogos ini

Selamat datang Tun..

August 1, 2019 10:34 am 0

AYER KEROH 1 Ogos – Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dijangka hadir merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Kebangsaan di Dataran Pahlawan pada 3 Ogos depan.

Ketua Menteri Adly Zahari berkata, perasmian itu yang akan bermula kira-kira jam 8 malam akan memeriahkan lagi sambutan kempen berkenaan sempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-62 di Melaka.

“Kerajaan negeri amat berbesar hati dengan pilihan dibuat Kerajaan Pusat bagi melancarkan kempen kibar jalur gemilang peringkat kebangsaan di Melaka yang

dipilih sebagai lokasinya kali ini,” katanya ketika ditemui selepas sidang media Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di sini semalam.

Adly berkata, menjelang sambutan itu pada 31 Ogos depan, kerajaan negeri bercadang meraikannya peristiwa bersejarah itu serba sederhana.

“30,000 Jalur Gemilang akan diedarkan ke semua kompleks Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi meraikan hari bersejarah berkenaan.

“Antara lain, pihak berkuasa tempatan (PBT) turut perlu memastikan kesemua premis dalam kawasan masing-masing mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang bulan Ogos,” katanya.